



KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (KOOP SAHABAT) BERHAD

NO. VERSI: 2

KS/JPO(SIKA)POS-15/LPZ(AR RAHNU)

KEMASKINI : 02/08/2024

LEMBARAN PENZAHIRAN PEMBIAYAAN AR RAHNU

Sila baca dan fahami Lembaran Penzahiran Produk bersama dengan terma dan syarat pembiayaan ini sebelum anda memutuskan untuk menerima pembiayaan ini. Anda juga dinasihatkan untuk meneliti segala risiko yang ada sebelum membuat keputusan untuk memohon pembiayaan ini. Dapatkan penerangan daripada pegawai di *One Stop Centre* (OSC) berdekatan sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dalam dokumen ini atau terma-terma umum.

1. Apakah produk ini?

Pembiayaan Ar Rahn adalah kemudahan patuh Syariah yang menggunakan barangan emas sebagai cagaran bagi menjamin obligasi keterhutangan. Tempoh dan kadar keuntungan ditentukan terlebih dahulu dan dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak (Sahabat Ar Rahn dan Pelanggan)

2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

- Kemudahan pembiayaan Ar Rahn ini adalah berasaskan Kontrak Bai' Murabahah secara Tawarruq yang mana :
 - i. Pelanggan akan membeli komoditi melalui Sahabat Ar Rahn (SAR) pada Harga jualan (Harga Kos + Keuntungan) dan bayaran akan dibuat secara tangguh.
 - ii. Pelanggan kemudiannya akan menjual komoditi yang telah dibeli kepada pihak ketiga melalui SAR sebagai wakil Pembeli Komoditi secara tunai yang bersamaan dengan Jumlah Pembiayaan yang diberikan kepada Pelanggan.
 - iii. Proses pembelian dan penjualan komoditi ini adalah melalui platform Bursa Suq Al Sila' (BSAS).
- Pelanggan akan mencagarkan emas iaitu Aset Gadaian sebagai sekuriti kepada SAR berasaskan kontrak Ar Rahn (gadaian) selepas transaksi Tawarruq disempurnakan dan SAR berhak melelong Aset Gadaian tersebut jika Pelanggan gagal melunaskan pembiayaannya.
- SAR akan bertanggungjawab sepenuhnya ke atas Aset Gadaian di bawah simpanan SAR dan akan memulangkan Aset Gadaian tersebut kepada Pelanggan setelah pembayaran penuh pembiayaan dibuat.

3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?

- Pembiayaan patuh Syariah berlandaskan konsep Tawarruq
- Cepat dan mudah
- Aset Gadaian dijamin keselamatannya (dilindungi takaful insurans)
- Kadar keuntungan yang berpatutan
- Kadar upah tetap (tidak berubah) sehingga penebusan
- Tempoh gadaian sehingga 12 bulan

4. Apakah saya layak untuk memohon?

Kemudahan pajak gadai Islam ini terbuka kepada Anggota dan Bukan Anggota Koperasi Sahabat dengan mematuhi syarat-syarat berikut :

- i. Berumur 18 tahun dan ke atas
- ii. Terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan pemegang passport warga asing yang layak
- iii. Hadir sendiri dan membawa pengenalan diri bergambar
- iv. Cagaran emas sahaja dan adalah hak milik sendiri
- v. Berakal dan tidak berada dalam ketagihan dadah atau apa-apa yang memabukkan semasa urusaniaga
- vi. Alamat dan maklumat perhubungan terkini

5. Berapakah nilai pembiayaan yang boleh saya peroleh?

- a) Had pembiayaan yang diberikan adalah maksima sehingga 80% daripada nilai Aset Gadaian.
- b) Had pembiayaan harian bagi seseorang Pelanggan adalah tidak melebihi RM150,000.00.
- c) Manakala had pembiayaan terkumpul keseluruhan bagi seseorang Pelanggan adalah tidak melebihi RM300,000.00.
- d) Walau bagaimanapun, pihak SAR berhak untuk menentukan had pembiayaan tersebut tertakhluk kepada penilaian.

6. Berapa lama tempoh pembiayaan yang ditawarkan?

- Tempoh pembiayaan yang diberikan adalah selama enam (6) bulan.
- Tambahan lanjutan tempoh adalah selama 6 bulan, maksima tempoh pembiayaan adalah selama 12 bulan (setahun).
- Pelanggan dikehendaki untuk menjelaskan jumlah keuntungan 6 bulan pertama bagi mendapatkan lanjutan tempoh 6 bulan kedua iaitu sehingga tempoh maksima 12 bulan.
- Sekiranya Pelanggan gagal untuk membut pembayaran kadar keuntungan tersebut, pihak SAR berhak untuk melelong Aset Gadaian berkenaan.
- Pelanggan juga berhak untuk membuat penyelesaian penuh dan menebus Aset Gadaian pada bila-bila masa sebelum tarikh matang.

7. Apakah jenis Aset Gadaian yang boleh diterima oleh Koperasi Sahabat?

- a) Semua jenis barang kemas yang diperbuat daripada emas yang mempunyai mutu berikut :

Mutu Emas	Kandungan Emas
24.0 karat	99.9%
22.8 karat	95.0%
22.0 karat	91.6%
21.0 karat	87.5%
20.0 karat	83.5%
18.0 karat	75.0%

- b) Hanya barangan yang diperbuat daripada emas sahaja yang boleh diterima sebagai Aset Gadaian. Antara jenis Aset Gadaian yang diperbuat daripada emas adalah seperti berikut :
 - i. Barangan kemas samada tanpa atau dengan permata
 - ii. Jongkong atau wafer
 - iii. Syiling, bullion atau dinar
 - iv. Barangan berharga yang diluluskan oleh Ahli Lembaga dan Panel Syariah

8. Apa yang saya dapat dari produk ini?

Nilai Aset Gadaian : RMxxx
Jumlah Amaun Pembiayaan : RMxxx (80% atas nilai marhun)
Harga Jualan : RMxxx
Tarikh Gadaian : 15 Julai 2021
Tempoh Gadaian : 180 hari (6 bulan)
Tarikh Matang : 15 Januari 2022
Jumlah Keuntungan : RMxxx

9. Bagaimanakah cara penebusan gadaian dibuat?

Bil	Kaedah	Huraian
1.	Penyelesaian Keseluruhan Jumlah Pembiayaan	Membayar balik keseluruhan pembiayaan bersama kadar keuntungan yang telah dipersetujui.
2.	Bayaran Ansuran	Membuat bayaran secara ansuran atau berkala ke atas pembiayaan asas atau keuntungan atau kedua-duanya sekali sebelum tempoh matang.
3.	Lanjutan Tempoh Pembiayaan	Melanjutkan tempoh pembiayaan yang tamat iaitu selepas tamat tempoh enam bulan pertama dengan syarat membayar kadar keuntungan untuk tempoh tersebut tetapi tidak perlu membayar balik pembiayaan.
4.	Tambah Pembiayaan	Pelanggan boleh menambah pembiayaan terhadap pembiayaan sedia ada tetapi perlu menjelaskan kadar keuntungan dan pembiayaan yang telah dikenakan sehingga tempoh tersebut. Akad baru perlu dilaksanakan dengan mengambilkira nilai emas semasa.
5.	Penebusan Sebahagian	Pelanggan boleh menebus sebahagian Aset Gadaian dengan syarat membayar jumlah pembiayaan dan kadar keuntungan bagi Aset Gadaian yang ditebus berkenaan sehingga tempoh tersebut. Akad baru perlu dilaksanakan dengan mengambilkira nilai emas semasa.

10. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab?

Koop Sahabat berhak menolak saham Anggota sekiranya segala usaha untuk mendapatkan Anggota untuk melunaskan baki Harga Jualan Tertanggung tidak berjaya.

Koop Sahabat juga berhak untuk menuntut baki tertunggak berserta lain-lain caj melalui proses perundangan.

11. Apakah formula pengiraan Harga Jualan dan Jumlah Keuntungan yang perlu saya bayar?

Kadar keuntungan dikenakan adalah berdasarkan kepada jumlah pembiayaan yang diperoleh seperti berikut :

Nilai Marhun (RM)	Kadar Upah Anggota (RM)	Kadar Upah Bukan Anggota (RM)
1.00 - 4.00.00	1.10	1.15
401.00 - 2,000.00	1.25	1.30
2,001.00 dan ke atas	1.40	1.45

Pengiraan Kadar Keuntungan :

$$\frac{\text{Jumlah Pembiayaan} \times \text{Kadar Keuntungan} \times \text{Tempoh Pembiayaan (12 bulan)}}{100}$$

$$\text{Jumlah Pembiayaan} + \text{Jumlah Keuntungan} = \text{Harga Jualan Komoditi}$$

Ilustrasi :

Harga Jualan

Nilai Aset Gadaian	: RM4,000.00
Jum. Pembiayaan	: RM3,200.00
Kadar Keuntungan	: RM1.45
Tempoh	: 12 bulan

Cara Pengiraan : RM3,200.00 x RM1.45 x 12 bulan
RM3,200.00 + RM556.80
RM3,756.80

Ibra' (Rebat)

Ibra' akan diberikan ke atas perbezaan di antara Harga Jualan dengan bayaran yang perlu dijelaskan oleh Pelanggan berdasarkan tempoh gadaian selepas penyelesaian penuh kemudahan dan penebusan Aset Gadaian dibuat.

Pengiraan Ibra' (Rebat) :

Jumlah Keuntungan - Keuntungan Telah Dibayar

Ilustrasi :

Bayaran Berdasarkan Tempoh Gadaian

Nilai Aset Gadaian : RM4,000.00
Jum. Pembiayaan : RM3,200.00
Kadar Keuntungan : RM1.45
Tempoh : 6 bulan
Cara Pengiraan : RM3,200.00 x RM1.45 x 6 bulan
RM3,200.00 + RM278.40
RM3,478.40

Rebat yang diberikan kepada Pelanggan berdasarkan ilustrasi di atas adalah berjumlah
RM3,756.80 - RM3,478.40 = **RM278.40**

12. Apakah tanggungjawab saya?

- Menyimpan dokumen gadaian asal (Surat Akuan Gadaian);
- Menjelaskan baki pembiayaan termasuk semua caj yang dikenakan kepada Pelanggan dan hendaklah dibayar sepenuhnya pada Tarikh Bayaran yang ditetapkan seperti berikut :

Kadar keuntungan 6 bulan pertama (tarikh matang) : RMxxx
Ansuran bulanan : RMxxx
Jumlah untuk dibayar termasuk jumlah pembiayaan : RMxxx

13. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

- Sekiranya Pelanggan gagal menebus Aset Gadaian tersebut dalam tempoh gadaian atau tempoh lanjutan yang diberikan, maka pihak SAR berhak menjual/melelong Aset Gadaian berkenaan mengikut prosedur penjualan/lelongan.
- Wang hasil daripada jualan/lelongan akan digunakan untuk membayar amaun terhutang, kos penjualan/lelongan dan kos-kos yang berkaitan. Bakinya boleh dituntut sejurus menerima notis wang lebihan lelongan. Sekiranya terdapat kurangan daripada hasil jualan/lelongan tersebut, Pelanggan wajib membayar jumlah tersebut kepada SAR.

14. Apakah risiko terlibat?

Jika Pelanggan mempunyai masalah dalam memenuhi kewajipan pembiayaan Pelanggan, sila hubungi pihak SAR atau Koop Sahabat dengan segera untuk pertanyaan lanjut.

15. Adakah saya memerlukan penjamin?

Tiada penjamin diperlukan.

16. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan mengenai butiran peribadi?

Adalah penting Pelanggan memaklumkan kepada SAR mengenai apa-apa perubahan butiran peribadi Pelanggan untuk memastikan semua urusan komunikasi dengan Pelanggan disampaikan dengan lebih berkesan.

17. Di mana saya boleh dapatkan maklumat lanjut berkenaan produk ini?

Untuk mendapat maklumat lanjut mengenai produk ini, sila hubungi HOTLINE Koop Sahabat di talian 017-609 6145 atau scan QR code berikut:



PERTANYAAN PRODUK DAN PEMBIAYAAN
KOOP SAHABAT

Sebarang aduan boleh diajukan kepada Unit Pentadbiran Umum, Koop Sahabat di talian 03 - 8966 3586 (Ext 109), emel : seksyenarrahnu@koopsahabat.my atau ke 30 cawangan OSC (Sahabat Ar Rahnū) berdekatan seperti berikut :

Cawangan OSC	No Telefon
KEDAH	
Cawangan Alor Setar	04-7715962
Cawangan Jitra	04-9163551
Cawangan Pendang	04-759 0958
Cawangan Langkawi	04-9660335
PULAU PINANG	
Cawangan Bertam	04 - 5790503
PERAK	
Cawangan Teluk Intan	05-6205021
Cawangan Manjung	05-6893186
Cawangan Kuala Kangsar	05-7577151
Cawangan Ipoh	05-2418122
SELANGOR	
Cawangan Meru	03-33938526
Cawangan Shah Alam	03-55410211
Cawangan Banting	03-31801077
Cawangan Sg. Besar	03-32241918
Cawangan Batang Kali	03-6057 3313
KUALA LUMPUR	
Cawangan Wangsa Melawati	03-4144741
Cawangan Bandar Sri Damansara	03-62632717
KELANTAN	
Cawangan Pasir Tumboh	09-7644843
Cawangan Pengkalan Chepa	09-7730245
Cawangan Bachok	09-7640018
TERENGGANU	
Cawangan Jertih	09-6904699
Cawangan Gong Badak	09-6623357
Cawangan Kemaman	09-8582608
Cawangan Setiu	09-6091773
PAHANG	
Cawangan Mentakab	09-2709500
Cawangan Kuantan	09-5600748
MELAKA	
Cawangan Ayer Keroh	06-2311500
NEGERI SEMBILAN	
Cawangan Port Dickson	06-647 3070

Cawangan OSC	No Telefon
JOHOR	
Cawangan Batu Pahat	07-485 0061
Cawangan Kluang	07-771 9846
Cawangan Pontian	07-687 0985
SARAWAK	
Cawangan Kuching	082-236 981
Cawangan Kota Samarahan	082-360 597
Cawangan Miri	08-5322599
SABAH	
Cawangan Tawau	'08-9777048

18. Lain-lain produk yang ditawarkan oleh Koop Sahabat?

- i) Pembiayaa Anggota (i-Lestari Niaga/Agro/ Plus)
- ii) Pembiayaan Ar Rahn
- iii) Akaun Emas Digital : *i-Gold Personal Account (i-GPA)*
- iv) Pembelian Emas Terpakai (*Used Gold*)
- v) Perkhidmatan Simpanan Emas